



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
ARAS 6 & 7, BLOK E12, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
TELEFON: 03 - 8884 6000 NO. FAKS: 03 - 8884 7679 (PEJ. SUB)



“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj Kami : KP(BKEW)(PK)1067/D/1-1/ Jld.2 (51)
Tarikh : 31 Julai 2013

Semua Ketua Bahagian/ Jabatan
Kementerian Pendidikan Malaysia.

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN KEPADA PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN (PBK) BILANGAN 2
TAHUN 1999 – PANDUAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH LEBIHAN
BAYARAN GAJI/ELAUN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN
ANGGOTA KAKITANGAN SOKONGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, **perenggan 3.2 (ii), Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 1999 (PBK2/1999)** menyatakan bahawa “Pungutan semua jumlah terlebih bayar **dikutip secara ansuran dalam tempoh maksima enam (6) bulan dari tarikh lebihan bayaran dikesan.** Ansuran dalam tempoh ini boleh dibuat tanpa kelulusan Pendahuluan Diri sepertimana yang telah dipersetujui oleh Perbendaharaan melalui surat KKBK (8.01)248/17/4-5 Jld. 5 (40) bertarikh 19 Oktober 1993. Ansuran boleh dibuat secara tunai atau melalui potongan gaji”.

3. Sukacita Bahagian ini merujuk kepada AP 327(b) - Mendapatkan Balik Pembayaran Lebih dengan Ansuran yang menyatakan, “Jika penerima bayaran itu adalah seorang Pegawai Awam, Pegawai Pengawal boleh membenarkan pegawai itu memulang balik pembayaran lebih itu dengan ansuran bulanan dengan syarat bayaran balik sepenuhnya dilakukan dengan secepat mungkin dan tidak lewat dari 18 bulan selepas bayaran lebih itu diketahui atau sebelum pegawai itu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan mengikut mana yang lebih awal, kecuali dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Jika pulangan balik dengan ansuran diluluskan, suatu permohonan Pendahuluan Diri hendaklah dibuat dari Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama penerima bayaran berkenaan. Ansuran bulanan itu hendaklah dikredit kepada Akaun Pendahuluan”.

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)

HOTLINE : 03-7723 7070
03-8884 7700

FAKS : 03-8884 7701 (Caw. Pentadbiran Kewangan), 03-8884 7509 (Caw. Penilaian & Sistem),
03-8884 7575 (Caw. Bajet), 03-8884 7611 (Caw. Bantuan)

<http://www.moe.gov.my/bkew>

4. Sehubungan itu serta selaras dengan AP 327 (b), sebarang bayaran bayaran balik bagi Lebihan Bayaran Gaji dan Emolumen **hanya dibenarkan dengan cara bayaran sekaligus atau melalui Pendahuluan Diri**. Ansuran bayaran balik pendahuluan diri bagi tempoh dua (2) bulan sehingga tidak melebihi 18 bulan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pertimbangan dan kelulusan. Bagi permohonan ansuran bayaran balik pendahuluan diri bagi tempoh melebihi 18 bulan hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Malaysia melalui Bahagian Kewangan, KPM untuk kelulusan.

5. Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan arahan ini kepada semua jabatan/institusi di bawah seliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Selain itu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diminta supaya mematuhi sepenuhnya pekeliiling tersebut.

6. Pindaan ini berkuatkuasa serta merta. Dengan berkuatkuasanya pindaan ini, **perenggan 3.2 (ii) dalam PBK2/1999 adalah terbatal**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MEMPERKASAKAN AKAUNTABILITI, MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AB. RADZAK AB. RAHMAN)

Bahagian Kewangan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

No. Tel : 03-88847474

No. Fax : 03-88847679

E-mel : abradzak@moe.gov.my

s.k.

- i. YBhg. Datuk Dr. KSU
- ii. YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. KSU II
- iii. YBhg. Tan Sri KPPM
- iv. YBhg. Dato' KPJPT
- v. YBhg. Dato' TKSU (Pengurusan)
- vi. YBhg. Datuk TKSU (Pembangunan Pelajaran)
- vii. YBhg. Dato' TKSU (Pembangunan Pengajian Tinggi)
- viii. YBhg. Datuk TKPPM (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
- ix. YBhg. Datuk Dr. TKPPM (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- x. YBhg. Dato' TKPPM (Operasi Pendidikan)
- xi. YBhg. Datin TKPJPT (IPTA)
- xii. YBhg. Datuk TKPJPT (IPTS)
- xiii. YBhg. Dato' KP, JPP
- xiv. YBrs. KP, JPKK